

Jabatan Antropologi dan sosiologi
No. Kelas: 117.....
No Perolehan:
Tarikh: 5 - 2 - 91

KAJIAN MENGENAI "SOKONGAN" SOSIAL

TERHADAP JENAYAH DAN DEVIANS

SARIMAH SALWA NAPIAH

NO. MATRIK : 54839

LATIHAN ILMIAH

**BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA**

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

SESI 1990/91

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kepadaNya, kerana dengan kemurahan dan rahmatNya sahaja yang membolehkan latihan ilmiah ini berjaya dihasilkan.

Saya juga di sini ingin mengambil kesempatan untuk memberikan setinggi penghargaan dan ucapan berbanyak terima kasih kepada:

- i) Kedua ibubapa saya yang sentiasa memberikan sokongan dan mendoakan kejayaan saya. Jasa keduamu tetap abadi.
- ii) Untuk Nurul Huda, Hairi, Norain, Samad, Latifah, Saiful Isme, Minn dan ahli keluarga yang lain yang sentiasa memberikan kehidupan baru dalam hidup saya dan sumber inspirasi kepada saya untuk meneruskan usaha dan perjuangan.
- iii) Kepada penyelia saya, Profesor Madya Encik Abdul Hadi Zakaria yang sudi memberikan panduan dan tunjukajar dalam menyudahkan latihan ilmiah ini.
- iv) Kepada Tuan Reduan Aslie, Timbalan Penguasa Polis (ASP), Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Kuala Lumpur yang telah sudi memberikan kerjasama dan pandangan terhadap kajian ini.

- v) Kepada semua responden yang telah sudi bekerjasama dengan saya untuk kajian latihan ilmiah ini.
 - vi) Juga, pada semua teman-teman sekampus yang sudi berbincang dan berkongsi masalah dengan saya.

Jabatan Antropologi dan Sosiologi,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.
3hb Disember 1991.

SINOPSIS

Latihan ilmiah ini membuat kajian terhadap sekumpulan masyarakat, untuk mengetahui nilai-nilai, sikap dan amalan-amalan mereka berhubung dengan perbuatan jenayah dan devians. Kajian ini dilakukan berasaskan pada perspektif 'sokongan' sosial, iaitu bagi melihat sama ada unsur 'sokongan' itu wujud atau tidak melalui analisa terhadap reaksi dan tindakbalas yang diberikan oleh mereka.

Dalam bab I dibincangkan mengenai objektif kajian, skopnya, bagaimana pengumpulan data dibuat juga turut diuraikan pengertian 'sokongan' sosial dan tulisan-tulisan dan kajian yang pernah dilakukan yang berkait dengan prospektif sokongan sosial ini. Kepentingan kajian ini dalam bidang ilmiah dan sosial turut diterangkan.

Bab II menerangkan mengenai latarbelakang socio-budaya para responden yang terlibat dalam kajian ini manakala dalam bab III memuatkan analisa yang menyeluruh dan agak mendalam mengenai sikap dan reaksi responden terhadap isu-isu jenayah dan devians yang dikemukakan. Dari analisa berkenaan, akan menunjukkan wujud atau tidak situasi 'sokongan' dalam kumpulan masyarakat. Unsur 'sokongan' juga dilihat sama ada kuat atau lemah pada isu-isu yang berhubungkait dengan diri

individu responden sendiri, ahli keluarga, rakan-rakan rapat atau anggota-anggota lain dalam masyarakat.

Bab IV merupakan kesan atau implikasi dari kewujudan unsur 'sokongan yang terdapat dalam perbincangan analisa data sebelumnya, serta langkah-langkah yang patut dilakukan oleh anggota masyarakat dan juga pihak yang berkuasa.

Akhir sekali Bab V adalah merupakan rumusan dan kesimpulan pada keseluruhan analisa dan perbincangan dalam kajian.

KANDUNGAN

Halaman

	Muka surat
Lampiran	
Senarai Jadual	
Sinopsis	
BAB I : PENGENALAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Objektif Kajian	3
1.2 Apakah dia 'sokongan' sosial	5
1.3 Literature Review	6
1.4 Skop	11
1.5 Kaedah pengumpulan data-data	13
1.6 Masalah dalam kajian :	
a. Masalah kerjasama ...	14
b. Kesahan (validity) ...	15
c. Masalah bahasa	16
1.7 Kepentingan kajian	16
1.8 Hubungan antara respon dan pengaruh jantung dan risiko infarkt miokardik koronari	
1.9 Isu-isu akhir kajian yang menyumbang kepada pengetahuan dan teknologi hidroponik mangga	

Muka surat

BAB II : LATAR BELAKANG SOSIO-BUDAYA RESPONDEN

2.0 Pengenalan	18
2.1 Data-data peribadi	18
a. Umur	18
b. Jantina	20
c. Kaum	20
d. Status perkahwinan ...	21
2.2 Latar belakang pendidikan ...	22
a. Tahap pendidikan formal...	23
b. Bahasa pengantar di sekolah	24
2.3 Latar belakang pekerjaan ...	25
2.4 Kekuatan beragama...	27
2.5 Kesimpulan	28

BAB III : ANALISA SIKAP DAN REAKSI TERHADAP ISU-ISU JENAYAH DAN DEVIANS

3.0 Pengenalan	31
3.1 Bagaimanakah 'sokongan' sosial boleh wujud dalam masyarakat?.	32
3.2 Hubungan antara kaum dan reaksi melaporkannya	37
3.3 Hubungan antara responden mangsa perbuatan jenayah dan reaksi melaporkan mengikut kaum ...	39
3.4 Hubungan antara responden yang menyaksikan perbuatan jenayah dan reaksi melaporkan mengikut jantina	44

Muka surat

3.5 Hubungan antara kaum dan reaksi membeli barang-barang yang disyaki curi	47
3.5.1 Reaksi kemungkinan membeli barang-barang yang disyaki curi mengikut jantina ..	49
3.6 Hubungan antara kaum dan reaksi sekiranya anak terlibat dalam kegiatan seks bebas	52
3.6.1 Hubungan antara kaum dan reaksi sekiranya rakan rapat terlibat dalam kegiatan seks bebas ...	56
3.7 Hubungan antara kaum dan reaksi sekiranya terdapat perlakuan jenayah di sekitar kawasan tempat tinggal	59
3.8 Kesimpulan	62

BAB IV : IMPLIKASI DAN LANGKAH-LANGKAH

4.0 Pengenalan	65
4.1 Implikasi dan langkah-langkah ..	65
4.2 Kesimpulan	72

BAB V : KESIMPULAN

5.0 Kesimpulan	74
----------------------------	----

BIBLIOGRAFI	78
-------------------------	----

SENARAI JADUAL

	Muka surat
Jadual 2.1 Umur responden	19
Jadual 2.2 Jantina responden	20
Jadual 2.3 Jenis kaum responden	21
Jadual 2.4 Status perkahwinan responden.	22
Jadual 2.5 Tahap pendidikan formal ...	23
Jadual 2.6 Bahasa pengantar di sekolah..	25
Jadual 2.7 Majikan responden	26
Jadual 2.8 Kategori jenis pekerjaan ...	26
Jadual 2.9 Kekuatan beragama	28
Jadual 3.1 Perkara lapor dan tidak lapor	33
Jadual 3.2 Mengapa tidak membuat laporan	35
Jadual 3.2.1 Hubungan antara kaum dan reaksi melaporkan	38
Jadual 3.3 Hubungan antara responden mangsa perbuatan jenayah dan reaksi melaporkan mengikut kaum	41
Jadual 3.4 Hubungan antara responden yang pernah menyaksikan perbuatan jenayah dan reaksi melapor mengikut jantina ...	45
Jadual 3.5 Hubungan antara kaum dan reaksi membeli barang-barang yang disyaki curi	47
Jadual 3.5.1 Reaksi kemungkinan membeli barang-barang yang disyaki curi mengikut jantina	50

Muka surat

Jadual 3.6 Hubungan antara kaum dan reaksi sekiranya anak terlibat dalam seks bebas	55
Jadual 3.6.1 Hubungan antara kaum dan reaksi sekiranya rakan rapat terlibat dalam seks bebas ...	58
Jadual 3.7 Hubungan antara kaum dan reaksi sekiranya terdapat perbuatan jenayah di sekitar tempat tinggal	60

Lampiran

Lampiran 1

BAB I

PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

Jenayah merupakan satu fenomena sosial. Perkataan jenayah telah biasa didengar dan diperkatakan. Boleh dikatakan setiap hari ada orang yang melakukan jenayah dan dihukum kerana melakukannya.

Kadar peratusan orang yang melakukan jenayah juga tinggi di beberapa buah negara Barat dan di beberapa buah bandaraya di dunia. Perbuatan jenayah boleh didefinisikan secara umum sebagai,

"... suatu perbuatan yang salah atau peninggalan yang menjadi kesalahan terhadap awam dan dipertanggungjawabkan untuk menerima hukuman di sisi undang-undang. Suatu perbuatan salah yang balasannya ialah hukuman dan hukuman dilaksanakan oleh negara" (Abdul Aziz, 1988 : 2).

Bagaimanapun kajian yang dibuat untuk latihan ilmiah ini bukan menekankan perbincangan mengenai masalah jenayah tetapi lebih menumpukan pada fenomena 'sokongan' masyarakat terhadap perbuatan jenayah atau devians. 'Sokongan yang dimaksudkan

ialah sikap, nilai dan amalan masyarakat yang ditanggap memberi sokongan secara jelas atau simbolik kepada sesuatu perbuatan jenayah. Sokongan tersebut boleh membawa kepada berleluasanya aktivit-aktiviti jenayah setempat.

Di Malaysia, kadar peratusan jenayah masih agak rendah dan boleh dikatakan tidak lagi mencapai ke tahap yang membimbangkan. Jika dilihat aliran (Trend) jenayah negara mulai 1986-1988 telah menunjukkan peratusan penurunan sebanyak 7.94%. Pada tahun 1988, kejadian jenayah iaitu jenayah harta benda dan kekerasan sebanyak 78,479 kes yang dilaporkan berbanding dengan 85,248 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 1987 (Mod. Reduan Aslie, 1990 : 48). Untuk ini, dapat dirasakan bahawa kajian ini dilakukan untuk menggambarkan lagi perbuatan jenayah di dalam masyarakat setempat. Ini kerana jenayah lahir dalam masyarakat dan fenomena dalam masyarakatlah yang harus dibincangkan khususnya jika wujud unsur 'sokongan' terhadap sesuatu perbuatan jenayah.

Analisis mengenai 'sokongan' sosial ini akan diperkembangkan lagi dalam perbincangan bab-bab seterusnya.

1.1 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan membuat tinjauan secara 'exploratory' ke atas sekumpulan masyarakat untuk mengetahui sikap, nilai dan amalan-amalan sosial yang boleh menjelaskan situasi 'sokongan' masyarakat ke atas perbuatan jenayah dan devians.

Beberapa teori mengenai jenayah di Barat ada mengaitkan 'sokongan' sosial sebagai satu unsur yang boleh melahirkan perbuatan jenayah dan faktor menjadi berleluasanya aktiviti jenayah setempat. Untuk ini, kajian ini dilakukan di sekitar bandaraya Kuala Lumpur kerana anggapan bahawa masyarakat di bandar mempunyai nilai-nilai yang lebih kompleks dan kadar aktiviti jenayah yang lebih tinggi di sekitar kawasan bandar.

Dalam kajian ini aspek-aspek yang cuba diterangkan ialah latarbelakang sosio-budaya responden seperti kaum, umur, taraf perkahwinan, jantina, taraf pendidikan, bahasa penghantar di sekolah, pekerjaan, kekuatan beragama dan seumpamanya memberi kesan serta pengaruhnya terhadap reaksi, sikap dan pandangan responden berkenaan dalam hal 'sokongan' sosial terhadap aktiviti jenayah dan

perkara-perkara yang dianggap tidak bermoral. Oleh itu, peranan teori kawalan juga akan dapat dilihat sekaligus.

Dalam konteks ini, situasi 'sokongan' akan cuba dilihat melalui sikap dan reaksi responden terlibat sekiranya pernah menjadi mangsa atau pernah menyaksikan perbuatan jenayah dan devians. Sekiranya responden pernah terlibat membeli barang curi, juga sekiranya terdapat ahli keluarga atau rakan-rakan rapat yang terlibat dalam perbuatan jenayah dan kurang bermoral. Selain itu, pandangan responden sendiri pada perakara-perkara yang dianggap kurang bermoral dan berlaku di sekitar tempat tinggal mereka.

Implikasi dari sikap dan reaksi terhadap isu-isu berkenaan, akan dapat diketahui sama ada 'sokongan' itu wujud atau pun tidak. Juga akan dikenalpasti bagaimana perkara 'sokongan' itu wujud dalam kumpulan masyarakat setempat. Seterusnya kekuatan perihal nilai-nilai moral dan nilai-nbilai konvensional juga akan dapat digambarkan sekaligus.

Kajian ini juga bertujuan melihat sama ada kelompok masyarakat bandar telah mengalami perubahan nilai dan norma sosio-budaya (konvensional) ke arah pemikiran yang lebih terbuka dan liberal, terutamanya

kepada aktiviti yang dianggap tidak bermoral seperti jenayah dan devians. Jika ini benar, anggota masyarakat harus mengukuhkan kembali nilai moral dan norma-norma sosio-budaya supaya usaha membendung perlakuan jenayah dapat dilakukan.

1.2 Apakah dia 'sokongan' sosial

Perspektif 'sokongan' sosial (social support) merujuk kepada 'sokongan' yang diberikan oleh kumpulan-kumpulan dalam masyarakat seperti rakan-rakan sepergaulan dan sepermainan (Cohen, 1955; Cloward and Ohlin 1960; Matza, 1964). Pendapat ini menegaskan bahawa kumpulan atau organisasi dalam masyarakat mempunyai pengaruh yang kuat ke atas perkembangan perlakuan jenayah dan devians. Kumpulan juga berupaya mempengaruhi dan mencorakkan individu dalam anggota masyarakat ke arah sikap, tingkah laku dan amalan-amalan yang dianggap terkeluar dari menyeleweng dari norma-norma masyarakat. Individu yang menerima situasi 'sokongan' dari kumpulan masyarakat akan lebih mudah untuk melakukan dan meneruskan kegiatan jenayah atau devians mereka.

Kadangkala unsur 'sokongan' itu dipersepsikan dalam keadaan yang simbolik (symbolic support), iaitu anggota-anggota lain dalam kelompok masyarakat menerima pengertian dan justifikasi mereka bahawa terdapat perbuatan-perbuatan jenayah yang boleh dilakukan dalam keadaan-keadaan yang tertentu.

1.3 LITERATURE REVIEW

Di Malaysia, kajian yang mendalam yang menggunakan perspektif ini belum dijalankan lagi. Walaubagaimana pun tulisan Latihan Ilmiah oleh Wong Sau Ping (1984) berjudul, 'The Explanation of the Occurance of Rape based on Box's Theory (The Transformation of Willingness to Deviate to actual Deviation)', ada menyebut soal 'sokongan' sosial. Dalam kajiannya, Wong Sau Ping telah mendapati bahawa 'sokongan' sosial tidak memainkan peranan penting dalam jenayah rogol yang dikajinya. Hanya 4 dari sejumlah 22 kes yang dikaji merupakan rogol berkumpulan (1984 : 51-52). Selain daripada ini tulisan dan perbincangan mengenai 'sokongan' sosial lebih banyak diperkatakan di Barat.

Shaw and Mckay berpendapat bahawa 'sokongan' sosial ini sebenarnya kerap wujud dalam kumpulan masyarakat

yang telah mempunyai pengaruh tradisi terhadap perbuatan jenayah dan delinkuen.

"... learn such behaviour from a group of peers in a neighbourhood that has traditional and positive influences acting in support of such behaviour" (1932 : 383).

Kebanyakan tulisan-tulisan yang dikemukakan bersetuju bahawa 'sokongan' sosial kepada pelaku untuk melakukan perbuatan jenayah dan devians diberi oleh rakan-rakan sebaya (peers) dan rakan sepermainan (Cohen 1955, Cloward and Ohlin 1960, Matza 1964), Box 1971, dan beberapa tokoh lainnya.

Steven Box menyatakan dalam tulisannya bahawa 'sokongan' sosial wujud dalam kelompok ke atas aktiviti penyalahgunaan dadah (1971 : 152) di mana pelaku (offender) melakukannya dengan andaian bahawa mereka akan berasa selamat kerana mereka percaya bahawa orang lain akan memberi sokongan dalam perlakuan itu.

Cohen (1955) berpendapat bahawa di dalam masyarakat yang semakin maju, persaingan untuk mendapatkan kedudukan yang lebih sentiasa berlaku dalam masyarakat. Tetapi golongan yang berasal dari kelas rendah tidak dapat mengecapi status yang dikehendaki dalam

masyarakat. Oleh itu mereka itu membentuk satu geng atau kumpulan delinkuen untuk cuba mencapai objektif mereka. Sokongan kelompok ini, tegas Cohen, (1955) berjaya mewujudkan situasi delinkuen dalam masyarakat.

Cloward dan Ohlin (1960) pula menegaskan bahawa berlakunya pengasingan tertentu dalam masyarakat kerana kurangnya pencapaian sosial terhadap kumpulan masyarakat tertentu boleh membawa kepada wujudnya kumpulan yang terdorong melakukan kegiatan jenayah dan delinkuen di kalangan mereka. Kumpulan ini akan melepaskan komitmen terhadap nilai-nilai dan norma-norma dalam masyarakat itu dan melakukan jenayah.

Matza percaya 'sokongan' wujud dalam sekumpulan masyarakat bila berlaku hanyutan (drift). Masyarakat dikatakan telah mempergunakan dan memanipulasi nilai-nilai yang konvensional untuk bertindak di luar norma masyarakat dan undang-undang.

(1964 : 63) "... the subculture of delinquency receives cultural support from conventional tradition"

Amalan ini diistilahkan oleh Matza sebagai 'subterranean convergence'. Pelaku selalunya mengendalikan bahawa mereka bertindak dalam lingkungan

undang-undang dan dalam konteks moraliti yang diperakui oleh masyarakat untuk melindungi perlakuan sumbang (devians) mereka.

Teknik mengesahkan perlakuan 'sumbang' mereka itu pula disebut sebagai 'neutralization'.

"It's rule breaking behaviour performed by juveniles, aware that they are violating the law and of the nature of their deed, and made permissible by the neutralisation of infractious elements" (1964 : 182).

Seterusnya, pendapat bahawa perspektif 'sokongan sosial lahir dari kelompok atau pola-pola asosiasi masyarakat diperkembangkan lagi oleh Edwin Sutherland. Teorinya mengenai 'differential association' menekankan bahawa individu-individu yang berinteraksi dalam kelompok sosial (primer) yang telah terdedah pada budaya delinkuen akan memperolehi justifikasi untuk perlakuan seperti itu. Sutherland mengatakan bahawa melalui 'differential association' seseorang individu boleh dihadapi dengan definisi berlebihan mengenai perbuatan jenayah sehingga kemungkinan rasional perbuatan jenayah itu dipelajari untuk dilakukan (1949 : 78),

"... a person becomes delinquent because of an excess definitions favourable to violation of law over definitions unfavourable to violation to law".

N.J. Davies juga turut menyokong pendapat ini dengan menambah bahawa,

(1975 : 135) "The principal part of the learning of criminal behaviour occurs within personal groups".

Cressey (1970) turut berpendapat,

"... there are certain ideologies in our cultures which gives symbolic support to crimes - such as honesty is the best policy, but business is business" (1970 : 105).

Di sini sokongan bersifat simbolik merujuk pada tanggapan dan ideologi-ideologi popular dari anggota-anggota lain dalam masyarakat yang membenarkan perbuatan-perbuatan devians dalam keadaan-keadaan tertentu seperti "it is alright to steal when you are starving". Ada juga idea yang mengiktirafkan perbuatan devian tersebut sebagai "the most proximate and effective of immediate feasible responses to everyday routines (Lofland 1969 : 72).

Wong Sau Ping (1984) juga ada menjelaskan mengenai 'simbolik support' ini dalam kajian terhadap jenayah rogol. Wong berpendapat bahawa ia lahir dari dua tanggapan salah tentang rogol, iaitu tanggapan yang mengatakan bahawa nafsu lelaki adalah terlalu kuat untuk dikawal dan perlu dipuaskan tanpa mengambil kira kesannya, dan tanggapan wanita sukakan pengalaman 'machoistic' dan harus dan mahu dirogol. Bagaimana pun Wong tidak mengemukakan data untuk menyokong dakwaan ini (1984) : 52 - 59).

1.4 SKOP

Kajian dilakukan ke atas sekumpulan masyarakat bandar di sekitar bandaraya Kuala Lumpur dan sampel kajian hanya terhad kepada 100 orang responden sahaja. Tidak ada pengkategorian tertentu terhadap jenis responden yang dipilih, sama ada dari aspek jenis kerja, kaum, agama, pendidikan, jantina, umur dan seumpamanya. Oleh itu latarbelakang sosio-budaya responden adalah pelbagai.

Sasaran utama responden pengkaji ialah golongan yang telah bekerja, sama ada bekerja sendiri, dengan badan swasta atau dengan kerajaan. Ini dilakukan kerana

mereka yang telah bekerja dianggap lebih matang dan bertanggungjawab untuk memberikan respons yang lebih berkesan. Kerja luar ini telah dilakukan di pejabat-pejabat swasta dan kerajaan, komplek-komplek membeli belah, restoran, perhentian bas dan di tepi-tepi jalan.

Ini dilakukan untuk mendapatkan data-data yang diperlukan dari berbagai peringkat masyarakat seperti masyarakat atasan, menengah dan juga rendah. Situasi 'sokongan' akan dikaji daripada reaksi, sikap dan pandangan responden terhadap perlakuan jenayah atau devian yang terdapat dalam soal selidik. Sikap dan reaksi yang boleh memperlihatkan tindakan 'menyokong' atau sebaliknya iaitu seperti reaksi berdiam diri, memarahi, memukul, menasihati, mengusir mereka keluar dan sebagainya terhadap perbuatan jenayah dan devian. (rujuk lampiran soal selidik).

Dari aspek sikap, reaksi dan pandangan responden itu, kemudiannya akan dapat dirumuskan sama ada wujud atau tidak unsur 'sokongan' sosial dalam masyarakat yang dikaji. Walaupun sampel kajian ini agak kecil, iaitu 100 responden sahaja, namun ia masih mampu menggambarkan secara makro tentang sikap dan nilai serta fenomena yang ada pada masyarakat bandar yang dikaji, walaupun tidak secara mutlak.

1.5 KAEDEH PENGUMPULAN DATA-DATA

Kajian ini dilakukan secara sosiologikal. Pengumpulan data-data diperolehi melaui 'soal selidik' (questionnaire) yang diedarkan kepada orang ramai. Soal selidik ini berbentuk 'close-ended' dan mengandungi soalan mengenai latar belakang sosio-budaya responden dan satu siri soalan berstruktur yang berkaitan dengan jenayah dan devian. Soal selidik dilakukan secara 'close-ended' supaya data yang dikutip dari responden hanya akan menunjukkan reaksi tindakbalas ke arah 'menyokong' atau tidak terhadap perbuatan demikian.

Kaedah pemilihan responden dilakukan secara 'accidental' (Black and Champion, 1976 : 304) iaitu dilakukan secara spontan dan tidak mengikut kiraan rawak. Sesiapa sahaja layak menjadi responden kerana pemilihan responden tidak menggunakan prinsip statistik. Ini dilakukan bagi memudahkan pengkaji untuk menjimatkan masa dan perbelanjaan. Kaedah ini juga dianggap lebih mudah untuk mewakili sampel bagi penduduk bandaraya Kuala Lumpur yang mempunyai populasi yang besar.

Namun begitu, dari sebanyak 150 borang selidik yang diedarkan hanya 100 responden akhirnya bersetuju untuk

menjadi responden pengkaji. Ini terdiri dari 43 orang responden lelaki dan 57 orang wanita. Selain itu, data-data juga diperolehi dari kajian pepustakaan terhadap kajian dan perbincangan lalu yang pernah dilakukan ke atas tajuk ini.

Dari data yang diperolehi tersebut beberapa aspek akan dipertimbangkan untuk melihat kewujudan 'sokongan' sosial terhadap perbuatan jenayah dan devians yang dikaji.

1.6 MASALAH DALAM PENGKAJIAN

Beberapa masalah turut timbul sewaktu kerja luar dilakukan, terutamnya terhadap sikap masyarakat di bandar yang agak individualistik dan sukar untuk ditemubual untuk mengisi borang soal selidik. Tambahan pula kajian ini dilakukan secara 'lapor diri' (self report) dari responden yang mungkin banyak menimbulkan prejedis di kalangan masyarakat.

a. Masalah kerjasama

Ini berlaku apabila orang ramai yang ditemui enggan bekerjasa a menjadi responden. Masalah kerjasama ini

selalunya dihadapi ketika pengkaji menemui golongan yang bekerja dengan firma swasta. Namun begitu alasan mereka untuk tidak mahu bekerjasama sebagai responden adalah tidak jelas seperti alasan sibuk dengan kerja pejabat yang lain, malas mengisi borang, tertinggal borang di rumah, kurang faham dan sebagainya.

Bagaimanapun, pengkaji menganggap mereka sebagai tidak berminat untuk bekerjasama kerana menganggap kajian ini tidak berkaitan dengan diri mereka. Ini kerana, pengkaji telah memberi masa beberapa hari dan kadangkala seminggu untuk mengisi borang soal selidik dan memulangkannya semula. Tetapi ada juga sebilangan yang enggan dan tidak melakukannya. Dalam hal ini, pengkaji tidak boleh memaksa mereka, dengan itu responden lain terpaksa di ambil alih.

b. Kesahan (validity)

Kesahan maklumat yang diberikan oleh responden juga boleh diragukan. Ini kerana ada beberapa soalan di dalam soal selidik yang dianggap agak sensitif dan personal oleh segelintir responden. Soalan-soalan seperti :

- pernahkah menjadi mangsa keslahan jantina?
- pernahkah membeli barang curi?

- pernahkah dipermainkan oleh lelaki/perempuan?

Oleh yang demikian, kesahan data yang dikutip akan dipengaruhi oleh sejauhmanakah tepatnya maklumat yang diberikan oleh responden. Kemungkinan 'bias' tidak dapat dielakkan dalam perbincangan ini nanti.

c. Masalah bahasa

Oleh kerana kajian ini dilakukan di bandaraya Kuala Lumpur yang mempunyai berbagai kaum, maka bahasa juga turut menimbulkan sedikit masalah.

Ini berlaku pada responden bukan Melayu yang kurang memahami Bahasa Malaysia kerana soal selidik adalah dalam Bahasa Malaysia. Mereka ini kehanyakkan berlatarbelakangkan pendidikan Bahasa Inggeris dan Cina. Bagaimanapun, masalah ini dengan mudah diatasi dengan bahasa lain, khususnya Bahasa Inggeris yang lebih difahami oleh kebanyakan responden berkenaan.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini bukan sahaja penting dari segi ilmiah tetapi juga dari segi sosialnya. Dari segi akademik

kajian ini akan memberi sumbangan yang significant kepada pemahaman mengenai etiologi kelakuan devian, terutama sekali perbuatan jenayah. Perspektif mengenai 'sokongan' sosial ini memajukan satu faktor yang boleh melahirkan dan menggalakkan lagi perbuatan jenayah. Ekoran itu, 'sokongan' sosial ini adalah sesuatu yang harus diambil kira oleh pihak-pihak berkenaan dalam memahami dan mengambi kira tindakan yang perlu untuk mencegah atau mengawal aktiviti jenayah daripada berleluasa.

Dari segi sosial pula, anggota-anggota masyarakat akan menyedari bahawa mereka mempunyai tanggungjawab sosial yang besar dalam masyarakat dan bahawa perbuatan seperti jenayah dan devian itu boleh berkembang atau dibendung dengan sikap dan nilai-nilai yang ada pada diri ahli-ahli masyarakat tersebut. Jenayah lahir dari masyarakat, maka masyarakat juga yang harus bertanggungjawab mengawal dan membendungnya dengan mengambi langkah-langkah yang perlu seperti mengambil sikap yang lebih positif ke atas nilai-nilai moral, keagamaan dan sosial budaya dalam masyarakat.

BAB 2

2.0 PENGENALAN

Di dalam bab ini, akan dibincangkan latar belakang sosio-budaya responden ini terdiri dari umur, jantina, kaum dan status perkahwinan. Turut dibincangkan juga ialah bidang pekerjaan, latar belakang pendidikan dan kekuatan amalan beragama responden. Data-data ini diambil untuk menunjukkan sejauhmana latarbelakang soiso-budaya bolhe atau turut mempengaruhi responden dalam nilai, sikap dan reaksi mereka berkenaan isu-isu jenayah yang akan dibincangkan nanti.

2.1 DATA-DATA PERIBADI

a. Umur

Jadual 2.1 menunjukkan taburan umur responen. Dapat dilihat bahawa umur responden ialah antara 17 hingga 46 tahun. Umur purata 83.0% berumur < 31 tahun, ini menunjukkan bahawa kebanyakkan responden adalah dari

golongan yang masih belia dan di tahap umur yang sesuai untuk bekerja.

Umur	Bilangan	Peratus (%)
17 - 21	26	26.0
22 - 26	42	42.0
27 - 31	15	15.0
32 - 36	8	8.0
37 - 41	5	5.0
42 - 46	4	4.0
Jumlah	100	100.0

$$\bar{x} = 25.8$$

Jadual 2.1 - Umur responden

Hampir separuh dari responden berumur antara 22 hingga 26 tahun iaitu berjumlah 42 orang (42.05). Berkemungkinan pada tahap umur ini kebanyakan orang telah bekerja atau sedang giat mencari pekerjaan. Responden yang berumur 17 - 21 tahun berjumlah 26 (26.0%), peringkat umur ini masih ada yang masih bersekolah, tetapi data menunjukkan bahawa responden yang berada pada tahap umur ini telah mula bekerja setelah tamat persekolahan seperti tamat Tingkatan Tiga (SRP) dan Tingkatan Lima (SPM).

Jadual 2.1 ini menunjukkan bahawa golongan muda atau belia adalah majoriti responden bagi kajian ini.

b. Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus (%)
Lelaki	43	43.0
Perempuan	57	57.0
Jumlah	100	100.0

Jadual 2.2 - Jantina responden

Jadual 2.2 di atas menunjukkan jantina responden. Responden perempuan melebihi 14 orang dari responden lelaki. Kedua-dua jantina responden ini diperlukan untuk mengetahui jika respons mereka berlainan terutama dari segi sikap, nilai dan amalan sosial mereka terhadap gejala jenayah dan devians.

c. Kaum

Jadual 2.3 menunjukkan pembahagian jenis kaum responden, iaitu 70 orang (70 peratus) responden Melayu; diikuti oleh Cina 20 (20%) orang, India 8 (8%) dan lain-lain 2 (2.0%).

Kaum	Bilangan	Peratus (%)
Melayu	70	70.0
Cina	20	20.0
India	8	8.0
Lain-lain	2	2.0
Jumlah	100	100.0

Jadual 2.3 - Pembahagian jenis kaum responden

d. Status Perkahwinan

Maklumat mengenai status perkahwinan responden juga turut diambil, iaitu sama ada responden itu masih bujang, berkahwin, janda-duda-balu, atau sudah bertunang. Data ini perlu sekurang-kurangnya untuk melihat jika terdapat kelainan sikap, nilai dan reaksi responden berdasarkan kepada status perkahwinan tersebut. Kemungkinan jika mereka terikat seperti sudah berkahwin atau bertunang mereka akan menunjukkan respon yang lebih negatif atau kurang menyokong terhadap perlakuan jenayah dan devian berbanding jika mereka masih bebas seperti bujang dan janda-duda-balu.

Jadual 2.4 menunjukkan status perkahwinan responden 64 orang responden atau 64.0 peratus masih bujang, manakala 28 (28 peratus) responden sudah berkahwin, seorang responden bertunang dan seorang responden (1.0 peratus) menjanda.

Status Perkahwinan	Bilangan	Peratus (%)
Bujang	64	64.0
Berkahwin	28	28.0
Janda-duda-balu	1	1.0
Bertunang	1	1.0
Jumlah	100	100.0

Jadual 2.4 Status perkahwinan responden

2.2 LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Latar belakang pendidikan responden akan dikaji pada tahap ketinggian pendidikan yang dicapai. Ini kerana pendidikan juga sering dikaitkan dengan perilaku individu dalam kehidupan, dengan tanggapan bahawa semakin tinggi pendidikan semakin baiklah perilaku dan moral individu dan sebaliknya pula jika rendah pendidikannya.

Sikap ini pula boleh menunjukkan kaitan antara sikap, nilai dan pandangan responden terhadap kegiatan jenayah dan devians serta memperjelaskan lagi wujudnya 'sokongan'. Tahap pendidikan respon dan bahasa pengantar sekolah sekolah yang diterima responden dianggap boleh menunjukkan sikap dan respon tersebut.

a. **Tahap pendidikan formal**

Jadual 2.5 di bawah menunjukkan tahap pendidikan formal yang dicapai oleh responden

Tahun	Bilangan	Peratus (%)
8 - 10	12	12.0
11 - 13	68	72.4
14 - 16	10	10.6
17 - 19	4	4.25
Jumlah	94	100.0
$\bar{x} = 12.19$		

Jadual 2.5 - Tahun pendidikan formal dan dicapai responden

Bahagian tahun di dalam jadual 2.5 di atas membawa maksud berapa tahun pendidikan formal yang telah diterima oleh responden. Umpamanya jika jumlah tahun pendidikan yang diterima oleh responden ialah di antara 8 hingga 10 tahun, responden berkemungkinan menerima

pendidikan formal kurang dari tingkatan lima (SPM) dan jika penerimaan pendidikan formal adalah di antara 11 hingga 13 tahun, responden adalah terdiri dari mereka yang memiliki pendidikan tingkatan lima (Sijil Pelajaran Malaysia) ke tingkatan enam (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia) atau Kolej (Diploma). Jika 14 hingga 26 tahun, ini bermakna responden adalah terdiri dari yang berpendidikan tinggi yang mempunyai ijazah dan kelayakan profesional dan seterusnya.

Merujuk pada jadual 2.5 tersebut, 68 orang responden mempunyai tahap pendidikan formal antara 11 hingga 13 tahun iaitu 72.4 peratus. Ini menggambarkan bahawa sebilangan besar responden bagi kajian ini boleh dianggap sebagai golongan yang berpelajaran dan terpelajar.

b. Bahasa pengantar di sekolah

Bahasa pengantar di sekolah yang diterima dan dilalui oleh responden ialah bahawa Cina, Tamil, Melayu dan Inggeris. Jadual 2.5 menjelaskan bahawa 65 responden atau 65 peratus melalui sekolah berbahasa pengantar Melayu, 27 (27 peratus) bersekolah bahasa pengantar Inggeris manakala 6 (6.0 peratus) responden mendapatkan pendidikan di sekolah bahasa pengantar Cina

dan 2 responden (2.0 peratus) dari bahasa pengantar Tamil.

Bahasa Pengantar	Bilangan	Peratus (%)
Cina	6	6.0
Tamil	2	2.0
Melayu	65	65.0
Inggeris	27	27.0
Jumlah	100	100.0

Jadual 2.6 - Bahasa Pengantar di Sekolah

2.3 LATAR BELAKANG PEKERJAAN

Mengenai aspek pekerjaan, data yang dikutip ialah berkenaan majikan responden, iaitu sama ada bekerja di bawah kerajaan, pihak swasta atau bekerja sendiri, serta jenis kategori pekerjaan yang disandang oleh responden. Latar belakang pekerjaan ini dianggap perlu bagi kajian ini untuk memperlihatkan pengaruhnya kepada sikap responden tersebut terhadap perkara dan isu yang dinyatakan dalam borang soal selidik pengkaji.

Majikan	Bilangan	Peratus (%)
Kerajaan	23	23.0
Swasta	71	71.0
Bekerja sendiri	6	6.0
Jumlah	100	100.0

Jadual 2.7 - Majikan responden

Kategori pekerjaan	Bilangan	Peratus (%)
Eksekutif tingkatan	10	10.0
Pegawai kerja	3	3.0
Pekeranian	31	31.0
Pembantu Pemasaran	19	19.0
Pegawai Keselamatan	5	5.0
Berniaga-bekerja sendiri	3	3.0
Pegawai tingkatan rendah	18	18.0
Guru	2	2.0
Lain-lain	9	9.0
Jumlah	100	100.0

Jadual 2.8 - Kategori jenis pekerjaan responden

Dilihat dari jadual 2.8, dapat diketahui secara keseluruhannya bahawa sampel kajian ini mempunyai kategori jenis pekerjaan responden yang mantap. Responden yang bekerja jenis pekerjaan "lain-lain",

hanya sebanyak 9% . Ini termasuklah pekerjaan seperti pelayan restoran (waiteress), 'in-house detektif', iaitu kerja seperti seorang pengawal keselamatan dalam sesebuah 'shop lot' atau pasaraya, tukang jahit dan seumpamanya.

2.4 KEKUATAN BERAGAMA

Kekuatan beragama selalu dilihat sebagai satu faktor yang boleh mempengaruhi sikap dan perlakuan seseorang individu. Kekuatan beragama individu dibahagi kepada sangat kuat beragama, kuat, sederhana, tidak kuat dan tidak beragama. Ini kerana agama adalah sesuatu apa yang dipercayai dan prinsip-prinsip agama dianuti. Tahap kekuatan beragama responden sepastinya boleh menggambarkan sikap dan perlakuan seseorang individu. Ini kerana selalunya orang yang kuat beragama mempunyai moral perlakuan yang lebih baik berbanding dengan yang tidak kuat atau tidak beragama.

Kekuatan beragama	Bilangan	Peratus (%)
Sangat kuat	8	8.0
Kuat	16	16.0
Sederhana	68	68.0
Tidak kuat	7	7.0
Tidak beragama	1	1.0

Jadual 2.9 - kekuatan beragama responden

Dari jadual 2.9 didapati bahawa bilangan responden yang mengamalkan agama secara sederhana adalah yang paling ramai, iaitu 68 responden atau 68% peratus, diikuti dengan responden kuat beragama seramai 16 orang (16.0% peratus), sangat kuat seramai 8 (8.0% peratus) orang serta tidak kuat beragama seramai 7 (7.0% peratus) responden sahaja. Hanya seorang responden sahaja yang tidak beragama.

2.5 KESIMPULAN

Dari data-data yang diperolehi di atas menunjukkan bahawa kebanyakkan responden adalah dari golongan muda dan dewasa (belia). Majoriti juga mempunyai latar pendidikan yang sederhana dan tinggi serta mempunyai

pekerjaan yang mantap. Dari aspek beragama juga, didapati kebanyakan responden mengamalkan sikap beragama yang sederhana, hanya segelintir sahaja yang kuat dan tidak beragama.

Ciri-ciri ini menunjukkan para responden kebanyakannya datang dari golongan kelas pertengahan di bandar, dan dipercayai telah mengalami kepesatan urbanisasi dan pembangunan di Bandaraya Kuala Lumpur.

Dari data-data latar belakang sosio-budaya responden yang diperolehi, perbincangan dan analisis seterusnya mengenai 'sokongan' masyarakat melalui sikap, reaksi dan pandangan responden (sampel) terhadap perbuatan jenayah dan devians setempat akan dilakukan.

BAB 3

SIKAP DAN REAKSI TERHADAP ISU-ISU JENAYAH DAN DEVIANS

3.0 PENGENALAN

Untuk melihat wujudnya unsur 'sokongan' sosial dalam kajian ini, perbincangan dan analisis akan dibuat ke atas reaksi, sikap dan pandangan responden terhadap sesuatu atau beberapa perbuatan jenayah dan devians. Isu-isu utama yang dibincangkan akan berkisar pada :-

- Sekiranya responden pernah menjadi mangsa perbuatan jenayah.
- Sekiranya responden pernah menyaksikan perbuatan jenayah.
- Sekiranya pernah membeli barang-barang yang disyaki curi.
- Sekiranya perlakuan jenayah itu berlaku pada ahli keluarga dan rakan rapat responden.
- Sekiranya berlaku kegiatan jenayah di sekitar kawasan tempat tinggal responden.

Melalui reaksi, sikap dan pandangan responden terhadap perkara-perkara tersebut, analisa akan dilakukan untuk menjelaskan sama ada wujudnya situasi

'sokongan' sosial tersebut atau pun tidak. Sekiranya wujud adakah 'sokongan' sosial terhadap perbuatan jenayah itu kuat (positif) ataupun lemah (negatif).

3.1 BAGAIMANAKAH 'SOKONGAN' SOSIAL BOLEH WUJUD DALAM MASYARAKAT?

'Sokongan' sosial boleh wujud di kalangan anggota masyarakat yang mempunyai sikap tidak bertanggungjawab dan kurang ambil peduli terhadap kegiatan jenayah setempat. Melalui perilaku dan sikap mereka yang 'tawar' untuk cuba mengawal atau membendung gejala jenayah dan devians dalam kelompok masyarakat, memungkinkan dan memberi peluang berleluasanya aktiviti jenayah setempat.

Paling utama, sikap dan tindakan masyarakat yang tidak gemar melaporkan sesuatu perbuatan jenayah itu kepada pihak yang berkuasa. Situasi yang begini boleh mewujudkan 'sokongan' sosial yang ketara terhadap perbuatan jenayah dalam masyarakat.

Jadual 3.1 Perkara lapor dan tidak lapor

Perkara	Bilangan	Peratus
lapor	27	27.0
tidak lapor	30	30.0
tidak jawapan	3	3.0
Jumlah	100	100.0

Dari jadual 3.1 di atas menjelaskan bahawa bilangan peratusan responden yang tidak lapor ke atas kejadian dan perbuatan jenayah yang pernah di alami dan disaksikan oleh mereka adalah hampir dua kali ganda lebih besar daripada yang lapor. Dapat dilihat bahawa jumlah tidak lapor adalah 70 orang (70.0%) berbanding dengan yang lapor hanya 27 orang (27.0%).

Data ini menunjukkan satu kemungkinan yang paling jelas mengenai terdapatnya unsur 'sokongan' dalam kumpulan-kumpulan atau organisasi dalam masyarakat.

Manakala tiga orang responden yang tidak memberi sebarang jawapan sama ada lapor atau tidak, adalah agak sukar untuk ditanggap apakah sebabnya mereka memberikan respons sedemikian.

Daniel Glazer (1972) telah mengemukakan beberapa sebab mengapa orang ramai tidak melaporkan kejadian jenayah.

- i. Sikap tidak percaya bahawa polis dapat menyelesaikan masalah itu.
- ii. Orang ramai tidak mahu terlibat di dalam masalah jenayah khususnya pembicaraan di mahkamah-mahkamah pengadilan.
- iii. Untuk keselamatan mereka daripada tindakbalas daripada penjenayah (offender) yang mereka laporkan itu.

Dalam kajian ini, pengkaji turut cuba menganalisa sebab dan alasan mengapa mereka tidak melaporkan perbuatan dan kejadian jenayah tertentu dan hubungkaitnya dengan fenomena jenayah setempat.

Dalam jadual 3.2 boleh menjelaskan keadaan ini dengan menunjukkan data mengapa responden tidak membuat laporan terhadap perbuatan dan kejadian jenayah yang berlaku.

Jadual 3.2 : Mengapa tidak membuat laporan

Alasan	Bilangan	Peratus (%)
Tidak ada di tempat kejadian	5	7.14
Tidak melibatkan diri sendiri	3	4.3
Tidak mahu terlibat	14	20.0
Tidak suka tindakan polis	5	7.14
Takut	7	10.0
Perkara biasa	20	28.6
Tidak ada bukti	3	4.3
Penjenayah mlarikan diri	3	4.3
Lain-lain	10	14.3
Jumlah	70	100.0

missing observations = 30

Dari data di dapati bahawa kebanyakan responden menganggap perbuatan jenayah itu sebagai perkara biasa iaitu 20 orang (28.6%) dan 14 responden (20.0%) beralasan tidak mahu terlibat dalam kes terhadap sesuatu perbuatan jenayah berkenaan. Responden yang beralasan sedemikian jelas menunjukkan sikap mereka yang kurang serius untuk mengawal atau menghalang perbuatan jenayah setempat. Mereka tidak mahu bertanggungjawab sebagai anggota dalam masyarakat dan mementingkan diri sendiri kerana menganggap perbuatan jenayah itu sebagai perkara

biasa sahaja dan tidak mahu terlibat. Dalam situasi yang begini unsur 'sokongan' sosial memang nyata wujud dalam kelompok masyarakat yang tidak ambil peduli untuk melaporkan sesuatu perbuatan atau kejadian jenayah itu.

Seramai 10 responden atau 14.3% pula mengemukakan alasan lain-lain, ini termasuklah malas, tidak tahu untuk membuat laporan dan mengharapkan ada orang lain yang akan membuat laporan. 7 orang (10%) responden pula beralasan takut untuk membuat laporan, kerana takut disoal-siasat oleh pihak polis dan juga takut penjenayah akan membala dendam kepada mereka.

Selain itu alasan responden mengapa tidak membuat laporan ialah tidak berada di tempat kejadian 5 (7.14%), tidak melibatkan pada diri responden 3 (4.3%), tidak ada bukti 3 (4.3%) dan tidak suka pada tindakan polis 5 (7.14%) ini kerana ada responden beranggapan pihak polis lambat bertindak, tidak berminat pada kes berkenaan, budibicara polis yang melengah-lengahkan siasatan.

Secara keseluruhannya, alasan tidak membuat laporan terhadap kejadian jenayah adalah kurang menyakinkan. Pelbagai alasan yang diberi hanya untuk menunjukkan bahawa mereka mempunyai komitmen terhadap masyarakat, khususnya perbuatan jenayah tetapi hakikatnya ramai yang

tidak mengambil berat dengan hal-hal yang berkenaan yang tidak berkaitan dengan diri mereka. Maka, kewujudan 'sokongan' sosial yang membuka peluang terhadap berleluasanya kegiatan jenayah memang wujud jika dilihat berdasarkan pada isu mengapa tidak membuat laporan ke pihak berkuasa.

3.2 HUBUNGAN ANTARA KAUM DAN REAKSI MELAPORKANNYA

Dalam jadual 3.2.1 menunjukkan bahawa kebanyakan kaum responden yang pernah mengalami kejadian jenayah dan tidak lapor ialah 43 responden (43.0%) iaitu 28 (28.0%) kaum Melayu, 12 (12.0%) Cina, India 2 (2.0%) dan lain-lain 1 (1.0%). Bilangan dan peratus pernah dan tidak lapor ini adalah yang paling tinggi dari yang pernah dan lapor 27 (27.0%) dan tidak pernah 30 (30.0%)

Jadual 3.2.1 : Hubungan antara kaum dan reaksi melaporkannya.

Kaum	Reaksi	Pernah		Pernah		Tidak	
		dan lapor	Bil. (%)	tidak lapor	Bil. (%)	pernah	Bil. (%)
Cina (N = 20)		6	6.0	12	12.0	2	2.0
India (N = 8)		2	2.0	2	2.0	4	4.0
Melayu (N = 70)		19	19.0	28	28.0	23	23.0
Lain-lain (N = 2)		-	-	-	-	-	-
Jumlah		27	27.0	43	43.0	30	30.0

Dalam perkara pernah dan tidak lapor ini, menjelaskan reaksi yang menonjolkan 'sokongan' sosial terhadap sesuatu perbuatan jenayah. 'Sokongan' ini pula boleh dianggap secara nyata atau simbolik berdasarkan pemahaman pada pelaku (offenders) untuk menganggapnya seterusnya melakukannya. Di dapati juga bilangan responden Melayu yang banyak mengalami kejadian jenayah tetapi tidak lapor iaitu 28 orang (28.0%), diikuti oleh kaum Cina 12.0% dan India 2.0%.

Kaum responden yang pernah mengalami kejadian jenayah dan lapor adalah lebih kecil dari golongan kaum responden yang pernah dan tidak lapor iaitu 27 orang (27.0%) iaitu kaum Melayu yang pernah dan lapor adalah 19 orang (19.0%), kaum Cina 6 (6.0%) dan India 2 (2.0%). Manakala kaum responden yang tidak pernah adalah paling kecil iaitu 2 orang berbanding dengan yang pernah dan lapor 6.0% dan pernah dan tidak lapor 12(12.0%) orang seterusnya kaum lain-lain yang tidak pernah ialah 1.0%.

Berdasarkan data di atas situasi 'sokongan' sosial terhadap perbuatan jenayah memang ada terutamanya dalam hal tidak melaporkan perbuatan dan kejadian jenayah yang dialami. Kaum-kaum responden yang lebih nyata menunjukkan sikap demikian ialah pada kaum Melayu dan Cina berdasarkan data-data yang terdapat dalam jadual 3.2.1.

3.3 HUBUNGAN ANTARA RESPONDEN MANGSA PERBUATAN JENAYAH DAN REAKSI MELAPORKANNYA MENGIKUT KAUM

Jadual 3.3 menunjukkan sekiranya responden pernah menjadi mangsa beberapa perbuatan jenayah dan reaksi melaporkannya mengikut kaum. Di dapati dalam ruangan pernah dan lapor, kaum responden Melayu mempunyai

peratusan yang lebih tinggi berbanding dengan kaum Cina iaitu 3.43% dan India 0.68% sahaja. Begitu juga dengan kaum responden yang pernah menjadi mangsa curi atau rompak, kekerapan responden kaum Melayu iaitu 2.07% untuk melaporkannya adalah lebih tinggi dari kaum Cina iaitu hanya 0.51%.

Selain itu kaum responden Cina yang pernah menjadi mangsa perbuatan jenayah dan melaporkannya hanya untuk dua perbuatan jenayah sahaja iaitu curi dan pukul. Tetapi responden Melayu telah pernah menjadi mangsa kepada semua senarai perbuatan jenayah tersebut dan melaporkannya kecuali untuk jenayah perbuatan kesalahan jantina sahaja. Tetapi yang pernah melakukan kesalahan jantina tidak lapor adalah sebanyak 1.20%. Bilangan peratus kaum responden yang pernah dan lapor adalah begitu rendah dilihat pada data yang dikutip dalam jadual 3.3.

Jadual 3.3 : Hubungan antara responden mangsa perbuatan jenayah dan reaksi melaporkannya mengikut kaum.

Mangsa jenayah	Reaksi Kaum	Pernah dan lapor			Pernah dan tidak lapor			Tidak pernah			Jumlah (%)			
		C	I	M	L	C	I	M	L	C	I	M	L	
Duri/ rompak		0.51	-	2.07	0.17	0.51	-	2.07	-	2.41	1.4	8.0	0.17	17.31
Tipu		-	-	0.51	-	1.73	0.34	3.62	-	1.73	1.03	7.6	0.17	16.72
Perasugut		-	-	0.34	-	0.34	0.17	0.86	-	3.10	1.20	10.4	0.17	16.58
Pukul		0.17	-	0.34	-	0.69	0.17	1.20	-	2.6	1.20	10.0	0.17	16.55
Kesalahan jantina		-	-	-	-	0.17	0.17	1.20	-	3.23	1.20	10.4	0.17	16.54
Dipermain- kan oleh lelaki/ perempuan		-	-	0.17	-	0.86	-	2.6	-	2.6	1.4	8.5	0.17	16.3
Jumlah (%)		0.68	-	3.43	0.17	4.3	0.85	11.55	-	15.67	7.43	54.91	1.02	100.0

Seterusnya, dalam ruangan pernah dan tidak lapor didapati kadar peratusan setiap kaum yang pernah menjadi mangsa adalah lebih kerap bilangannya. Bagi kaum Melayu 11.55%, diikuti dengan kaum Cina 4.3% dan India 0.85%. Mangsa perbuatan jenayah paling banyak tidak dilaporkan ialah mangsa perbuatan tipu iaitu 5.7%, dilihat mengikut kaum pula Melayu 3.62%, Cina 1.37% dan India 0.34%. Ini diikuti dengan mangsa curi atau rompak yang mempunyai bilangan peratus kaum Melayu 2.07% dan Cina 0.51%. Untuk mangsa kesalahan jantina pula ketiga kaum responden pernah menjadi mangsanya tetapi tidak lapor iaitu Melayu 1.20%, Cina 0.17% dan India 0.17%, ini berlainan dalam ruangan pernah dan lapor tidak ada satu kaum pun yang pernah menjadi mangsa kesalahan jantina tersebut. Begitu juga dengan mangsa dipermainkan oleh lelaki atau perempuan didapati peratusan kaum yang pernah dan tidak melaporkannya adalah lebih tinggi dari yang pernah dan lapor iaitu kaum Melayu 2.6% tidak lapor berbanding 0.17% yang pernah lapor. Kaum Cina 0.86% tidak lapor dan tidak ada yang bertindak pernah melaporkannya.

Dari keseluruhannya data dalam jadual 3.3 didapati bahawa kadar peratusan semua kaum yang pernah menjadi mangsa beberapa perbuatan jenayah ialah 21% dan dari

jumlah ini hanya 4.3% yang pernah dan lapor dan selebihnya 16.7% pernah menjadi mangsa dan tidak lapor. Kaum-kaum responden yang tidak pernah menjadi mangsa perbuatan jenayah demikian berjumlah sebanyak 79.03%. Melalui data-data di atas didapati bahawa situasi 'sokongan' sosial terdapat pada reaksi responden yang pernah menjadi mangsa perbuatan jenayah tetapi tidak lapor. Terutamanya pada mangsa tipu (5.7%), curi atau rompak (2.58%), dipermainkan oleh lelaki atau perempuan (3.46%), mangsa pukul (2.06%) kesalahan jantina (1.54%) dan perasugut (1.37%). Responden yang pernah menjadi mangsa tetapi tidak lapor terhadap perbuatan jenayah sedemikian sebenarnya membuka peluang atau memberikan satu 'sokongan' untuk perlakuan jenayah yang berunsur sedemikian bertambah dalam kelompok masyarakat. Jika perkara ini dilihat mengikut kaum, kaum Melayu mempunyai peratusan yang lebih tinggi untuk tidak lapor pada setiap perbuatan jenayah yang dialami, iaitu sebanyak 11.55%, kedua kaum Cina 4.3% dan India 0.85%. Sikap dan reaksi mengikut kaum ini menggambarkan bahawa kaum Melayu* lebih memberi peluang dalam mewujudkan 'sokongan' sosial terhadap perbuatan jenayah berbanding dengan kaum Cina dan India berdasarkan pada isu pernah

*Kaum Melayu adalah majoriti responden yang terpilih berbanding dengan kaum-kaum lain, sila rujuk jadual 2.3.

menjadi mangsa dan tidak lapor. Oleh itu, kewujudan 'sokongan' sosial dalam kelompok masyarakat memang ada, tetapi peratusannya adalah masih rendah.

3.4 HUBUNGAN ANTARA RESPONDEN YANG MENYAKSIKAN PERBUATAN JENAYAH DAN REAKSI MELAPORKANNYA MENGIKUT JANTINA

Dalam jadual 3.4 data-data memperlihatkan responden yang pernah menyaksikan perbuatan atau kejadian jenayah dan reaksinya pula dilihat mengikut jantina lelaki dan perempuan. Dalam ruangan pernah dan lapor peratusan jantina responden adalah lebih tinggi di kalangan lelaki iaitu 2.6% dan 1.9% perempuan, jenayah paling tinggi dilaporkan ialah penyalahgunaan dadah iaitu 1.37% dibandingkan dengan jenayah yang lain-lain kadar peratusan juga adalah ketul dan hampir sama. Dilihat reaksi jantina yang pernah dan lapor.

Jadual 3.4 : Hubungan antara responden yang pernah
menyaksikan perbuatan jenayah dan reaksi
melaporkannya mengikut jantina

Reaksi Jantina	Pernah dan lapor	Pernah dan tidak lapor	Tidak pernah	Jumlah (%)			
Menyaksikan Jenayah							
	L	P	L	P			
Curi/rompak	0.7	0.51	1.55	2.6	4.83	6.73	16.92
Peras ugut	0.17	0.17	1.03	0.34	5.87	9.15	16.73
Pukul	0.7	0.17	3.45	2.24	2.93	7.25	16.74
Kesalahan jantina	0.17	-	1.38	0.86	5.0	8.80	16.21
Merosakan harta awam	0.34	0.17	3.45	2.6	3.10	6.90	16.56
Penyalahgunaan dadah	0.51	0.86	3.28	2.07	3.28	6.73	16.73
Jumlah (%)	2.6	1.9	14.14	10.71	25.01	45.56	100.0

juga tidak mempunyai perbezaan yang besar antara lelaki dan perempuan, iaitu reaksi melaporkan antara responden lelaki dan perempuan adalah sama.

Bagi jantina responden yang pernah dan tidak lapor pula peratus responden lelaki yang tidak lapor ialah 14.14% lebih tinggi sedikit dari responden perempuan iaitu 10.71%. Perbuatan jenayah yang lain kerap

disaksikan dan tidak dilaporkan ialah merosakkan harta benda awam, dalam kes ini responden lelaki yang tidak lapor ialah 3.45% lebih tinggi responden perempuan iaitu 2.6%. Ini menunjukkan lelaki mempunyai 'sokongan' terhadap hal jenayah sedemikian untuk berlaku dalam masyarakat setempat lebih dari reaksi perempuan. Ini diikuti dengan jenayah pukul, responden lelaki yang tidak lapor adalah 3.45% dan responden perempuan 2.24% penyalahgunaan dadah responden lelaki yang tidak lapor ialah 3.28% dan perempuan 2.07%. Di dapati juga peratus jantina responden yang tidak lapor adalah lebih ramai di kalangan lelaki terhadap setiap jenayah tersebut. Ini menjelaskan bahawa lelaki mungkin mempunyai sikap dan reaksi yang lebih dalam melahirkan 'sokongan' sosial terhadap perbuatan jenayah berbanding dengan perempuan, walaupun ada tetapi ia adalah kurang.

Dari jadual 3.4 juga perbuatan jenayah yang lebih banyak tidak dilaporkan ialah merosakkan harta benda awam, pukul, penyalahgunaan dadah yang lain-lain, ini juga menunjukkan bahawa 'sokongan' sosial terhadap perbuatan-perbuatan tersebut wujud dalam kelompok masyarakat yang dikaji. Bilangan peratusnya adalah lebih besar dari jantina responden yang lapor. Bagaimanapun kadar bilangannya adalah kecil dibanding dengan keseluruhan jantina responden yang tidak pernah

menyaksikannya iaitu 70.5%. Responden perempuan didapati lebih ramai yang tidak pernah melihat atau menyaksikan kejadian jenayah iaitu 45.56% berbanding dengan lelaki yang hanya 25.01% saja tidak pernah menyaksikannya.

3.5 HUBUNGAN ANTARA KAUM DAN REAKSI MEMBELI BARANG-BARANG YANG DISYAKI CURI

Untuk mengetahui wujudnya pengaruh "sokongan" sosial terhadap perbuatan jenayah dan devians, isu sama ada responden pernah membeli barang-barang yang disyaki curi juga akan dibincangkan.

Jadual 3.5 : Hubungan antara kaum dan reaksi membeli barang-barang yang disyaki curi

Kaum	Reaksi Pernah		Tidak pernah		Bil	(%)
	Bil	(%)	Bil	(%)		
Cina	3	3.12	16	16.6	19	19.72
India	2	2.08	6	6.25	8	8.33
Melayu	13	13.54	56	58.3	69	71.84
Jumlah	18	18.76	78	81.18	96	100.0

Dari jadual 3.5 menunjukkan kaum responden yang pernah membeli barang-barang yang disyaki curi berjumlah 18 orang atau 18.76% yang terdiri dari 13 kaum Melayu, 3 Cina dan 2 India. Kaum Melayu menunjukkan jumlah terbesar pernah membeli barang-barang yang disyaki curi berbanding dengan kaum-kaum lain. Sikap dan reaksi kaum responden yang pernah membeli barang-barang yang disyaki curi ini akan memberi fahaman dan peluang kepada mereka yang bergiat dalam menjual barang-barang curi untuk meneruskan kegiatan kerana adanya sambutan dalam masyarakat.

Seperti yang ditegaskan oleh Cressey (1970) bahawa terdapatnya beberapa unsur di dalam budaya masyarakat yang memberi 'sokongan' yang bersifat 'simbolik' (symbolic support) kepada perbuatan jenayah, umpamanya seperti 'sokongan' terhadap membeli barang-barang yang dianggap curi. Malah, sikap dan reaksi begitu dianggap biasa oleh masyarakat kerana pembelian barang-barang curi disetujui oleh kedua pihak yang terlibat, ia dianggap sebagai perkara biasa dan tidak akan timbul kekecohan. Ini menyebabkan kegiatan seperti itu boleh diteruskan lagi.

Walaupun begitu, jadual 3.5 data menunjukkan bilangan kaum responden yang pernah dan tidak pernah membeli barang-barang yang disyaki curi adalah begitu berbeza sekali. Kaum responden yang pernah membeli barang yang disyaki curi berjumlah 18 orang atau 18.76% dan yang tidak pernah berjumlah 78 orang (81.18%). Oleh itu keseluruhannya jumlah kaum responden yang terbabit pernah membeli barang-barang yang disyaki curi adalah agak kecil dan masih tidak begitu ketara jika dilihat dari data yang diperolehi.

3.5.1. REAKSI KEMUNGKINAN MEMBELI BARANG-BARANG YANG DISYAKI CURI MENGIKUT JANTINA

Jadual 3.5.1 menjelaskan kemungkinan responden membeli barang-barang disyaki curi berdasarkan pada jantina lelaki dan perempuan. Untuk jantina responden yang berkata 'ya' atau mengakui pernah membeli barang yang disyaki curi, didapati bilangan peratus lelaki dan perempuan adalah hampir sama iaitu 2.76% dan 2.08%. Dilihat bilangan peratus lelaki dan perempuan adalah hampir sama iaitu 2.76% dan 2.08%. Dilihat bilangan peratus responden lelaki dan perempuan yang berkata 'ya' atau mengaku membeli barang yang disyaki curi adalah hampir sama terhadap setiap jenis barang yang disyaki

curi dari senarai dalam jadual 3.6 di atas. Hanya untuk barang kasut didapati peratusan responden lelaki akan lebih bersetuju untuk membelinya iaitu 1.0% dan hanya 0.48% responden perempuan.

Bagaimanapun lebih ramai responden berkata tidak akan membeli barang-barang yang disyaki curi, jumlah responden perempuan yang mengatakan 'tidak' adalah lebih besar iaitu 46.83% berbanding dengan responden lelaki 36.42%.

Jadual 3.5.1 : Reaksi kemungkinan membeli barang-barang yang disyaki curi mengikut jantina

Barangan Curi	Reaksi		Ya		Tidak		Tak Tahu		(%)
	L	P	L	P	L	P	L	P	
Alat-alat dapur	0.32	0.32	5.14	6.8	0.80	0.64	0.80	14.02	
Radio, TV & Video	0.48	0.16	4.98	6.91	0.96	0.64	0.80	14.13	
Kamera	0.16	0.32	5.5	6.91	0.80	0.48	0.80	14.17	
Basikal	0.32	0.32	4.98	6.91	0.96	0.48	0.80	17.97	
Kasut	1.0	0.48	4.82	6.6	0.80	0.64	0.80	14.34	
Barangan kemas	0.32	0.32	5.5	6.6	0.64	0.64	0.80	14.02	
Pakaian	0.16	0.16	5.5	6.10	0.80	1.60	0.80	14.32	
Jumlah (%)	2.76	2.08	36.42	46.83	5.76	5.12	100.0		

Peratusan ini menunjukkan bahawa kemungkinan responden lelaki untuk membeli barang-barang yang disyaki curi adalah lebih besar dari jantina responden perempuan.

Reaksi responden yang menyatakan tidak tahu pula membayangkan bahawa mereka tidak pasti sama ada akan membeli barang-barang yang disyaki curi atau tidak. 5.76% responden lelaki yang mengatakan tidak tahu dan 5.12% responden perempuan. Bagi setiap jenis barang curi bilangan peratus tak tahu akan membelinya adalah hampir sama, ini menunjukkan tidak ada barang-barang tertentu yang kemungkinan lebih akan dibeli kerana semuanya setara sahaja.

Oleh yang demikian, reaksi jantina responden yang berkata 'ya' membeli barang-barang yang disyaki curi iaitu 4.84% dan tak tahu 10.88% ini menunjukkan wujudnya 'sokongan' sosial dan 'symbolic support' terhadap kegiatan membeli barang-barang yang disyaki curi untuk diteruskan dalam masyarakat. Reaksi positif anggota masyarakat yang begitu akan memberi peluang pada kegiatan sedemikian untuk berkembang.

Tetapi peratusan responden yang mengatakan tidak akan membeli barang-barang yang disyaki curi adalah

lebih tinggi iaitu 83.25%, peratusan lebih pada responden perempuan iaitu 46.83% daripada responden lelaki 36.42%. Perkara ini turut menunjukkan bahawa responden lelaki berkemungkinan memberikan 'sokongan' sosial yang lebih daripada pembelian barang-barang curi berbanding dari perempuan berdasarkan pada data dalam jadual 3.5.1

3.6 HUBUNGAN ANTARA KAUM DAN REAKSI SEKIRANYA ANAK TERLIBAT DALAM KEGIATAN SEKS BEBAS

Merujuk kepada jadual 3.6 di bawah, reaksi responden untuk menasihati anak mereka yang terlibat dalam kegiatan seks supaya tidak melakukannya adalah merupakan terbanyak sekali iaitu 38 kaum responden atau 54.31%. Kaum Melayu seramai 31 orang (44.3%), Cina 4 (5.71%) dan India 3 (4.3%).

Tindakan atau reaksi kedua yang menjadi pilihan kaum responden ialah memukul anak mereka yang terlibat dalam kegiatan seks bebas iaitu 15 orang (21.42%), memarahi secara lisan sahaja 13 kaum responden atau 18.55% dan putuskan hubungan 4 orang (5.72%).

Jadual 3.6 : Hubungan antara kaum dan reaksi sekiranya anak terlibat dalam kegiatan seks bebas

Kaum	Reaksi	Memukulnya	Memarahi secara lisan	Menasihatiinya supaya tidak melakukan hubungan	Putuskan
Cina N = 20	2(2.85)	4(5.71)	-	4(5.71)	3(4.3)
India N = 8	2(2.85)	1(1.42)	-	3(4.3)	-
Melayu N = 70	10(14.3)	8(11.42)	31(44.3)	-	1(1.42)
Lain-lain N = 2	1(1.42)	-	-	-	-
Jumlah	15(21.42)	13(18.55)	3854.31)	4(5.72)	

missing observation = 30

Kaum Melayu kebanyakannya akan mengambil reaksi menasihati anak yang terlibat dalam kegiatan seks bebas iaitu 31 orang (44%), 10 orang bertindak memukulnya dan 8 orang (11.42%) pula hanya akan memarahinya secara lisan, hanya seorang kaum responden Melayu yang bertindak memutuskan hubungan. Dari reaksi-reaksi yang sedemikian, boleh dikatakan kaum Melayu telah bersikap dan berpandangan agak wajar dalam menghadapi anak yang terlibat dengan kegiatan seks bebas, kerana majoritinya berusaha untuk menasihatiinya, di samping reaksi sebilangannya yang memukulnya dan memarahinya secara lisan. Hanya seorang responden Melayu yang bertindak

agak keterlaluan iaitu memutuskan hubungan dengan anaknya jika berlaku perkara yang sedemikian.

Berdasarkan data tersebut, didapati bahawa responden kaum Melayu tidak menunjukkan sifat dan reaksi yang menunjukkan adanya 'sokongan' sosial terhadap perlakuan jenayah atau kurang bermoral sekiranya terjadi pada anak mereka. Sebaliknya, berusaha cuba mengawal atau menghalang anak mereka dari terus terlibat. Tidak ada responden Melayu yang bereaksi berdiam diri terhadap perkara sedemikian.

Kaum Cina juga menunjukkan reaksi yang agak serius dan menentang perlakuan seks bebas jika berlaku pada anak mereka. 4 orang atau 5.71% bertindak menasihati anak itu supaya tidak melakukannya dan begitu juga responden yang memarahi secara lisan. 2 orang bereaksi dan memukulnya dan 3 orang memutuskan hubungan dengan anaknya. Ini memberikan gambaran bahawa kaum Cina bersikap lebih kasar dalam bertindak kepada anak yang terlibat dalam seks bebas, terutamanya dengan reaksi memutuskan hubungan dengan anak, bilangannya melebihi dari kaum Melayu walaupun bilangan responden kaum Cina itu lebih kecil.

Kaum responden India pula 3 orang bereaksi menasihati anak itu, 2 (2.85%) memukulnya dan seorang memarahinya secara lisan. Manakala kaum responden lain-lain hanya seorang dan akan bereaksi memukul anak-anak yang terlibat.

Dari reaksi-reaksi tersebut didapati kaum-kaum responden yang terlibat bersikap wajar dan agak rasional dalam menghadapi gejala anak yang terlibat dalam kegiatan seks bebas. Ini berkemungkinan kebanyakan responden terpilih berlatarbelakangkan pendidik yang baik². Bagaimanapun ini bukanlah unsur mutlak dalam melihat sikap dan reaksi seseorang itu dalam kehidupan.

Reaksi kaum responden yang hanya memarahi secara lisan anak mereka yang terlibat dalam kegiatan seks bebas masih boleh dipertikaikan, kerana ia boleh memberi pemahaman atau andaian ia mungkin boleh dilakukan pada masa lain tetapi tidak boleh pada masa itu. Begitu juga dengan reaksi putuskan hubungan, sama ada responden benar-benar tidak setuju dengan perlakuan anak itu atau mereka ingin lari dari tanggungjawab dan membiarkan anak itu terus terlibat dalam perkara demikian. Ia adalah bersifat simbolik dan mungkin juga memberi 'symbolic

²Kebanyakan responden adalah berpelajaran dan terpelajar, sila rujuk Jadual 2.5.

support' kepada anak itu (pelaku) untuk terus melakukannya.

3.6.1 HUBUNGAN ANTARA KAUM DAN REAKSI SEKIRANYA RAKAN RAPAT TERLIBAT DALAM KEGIATAN SEKS BEBAS

Dalam jadual 3.6.1 juga didapati kaum Melayu lebih ramai bertindak menasihati rakan rapat mereka yang terlibat dalam kegiatan seks bebas supaya tidak melakukannya 34 (39.08%), putuskan hubungan 13 (15.0%) responden dan 10 (11.5%) berdiam diri dan sekiranya reaksi-reaksi yang lain seperti memukul, memarahai secara lisan dan mengajarnya cara yang betul. Reaksi responden Melayu terhadap rakan rapat ini didapati berlainan sedikit dengan reaksi terhadap anak. Walaupun ramai yang bertindak menasihati rakan rapatnya tetapi ramai juga yang putuskan hubungan dan berdiam diri sahaja dan amat kurang yang memarahi atau memukul rakan rapat mereka. Ini turut menjelaskan bahawa 'sokongan' sosial itu lebih jelas wujud terhadap rakan daripada anak yang mungkin mempunyai hubungan pertalian darah dengan responden.

Bagi responden Cina pula lebih ramai yang bertindak berdiam diri atau putuskan hubungan sahaja daripada menasihatinya atau memarahinya secara lisan. Responden India juga lebih gemar berdiam diri dan turut menasihati rakan rapatnya, hanya seorang mengambil tindakan memukulnya. Kaum responden lain-lain pula hanya menasihati supaya tidak melakukannya dan putuskan hubungan.

Menganalisa kedua-dua jadual 3.6 dan 3.6.1 di dapati reaksi kaum responden terhadap anak dan rakan rapat yang terlibat dalam kegiatan seks bebas adalah agak berlainan. Sikap dan reaksi terhadap anak di dapati lebih serius dan tegas untuk menghalangnya dari terus terlibat, manakala sikap dan reaksi kaum responden terhadap rakan rapat adalah lebih longgar dan kurang tegas berkenaan hal tersebut.

Inilah yang ditegaskan oleh Cohen (1955) dan Cloward dan Ohlin (1960) bahawa adanya 'sokongan' di kalangan rakan-rakan (peers group) terhadap perbuatan jenayah dalam fenomena jenayah setempat untuk memungkinkan berkembangnya perlakuan jenayah dan devians. Perkara ini lebih jelas dilihat dalam reaksi

Jadual 3.6.1 : Hubungan antara kaum dan reaksinya sekiranya rakan rapat terlibat dalam kegiatan seks bebas

Reaksi	Memukul-nya	Memarahi secara lisan	Menasihati-nya supaya tidak melakukan	Mengajar-nya cara yang betul	Berdiam diri	Putus-hubungan
-	1(1.14)	3(3.44)	-	5(5.74)	6(6.9)	
1(1.14)	-	3(3.44)	-	3(3.44)	-	
2(2.3)	2(2.3)	34(39.08)	2(2.3)	10(11.5)	13(15.0)	
lain	-	-	1(1.14)	-	-	1(1.14)
n (%)	3(3.44)	3.(3.44)	41(47.12)	2(2.3)	18(20.7)	20(23.04)

berdiam diri terhadap rakan rapat yang terlibat dan tidak ada kaum responden yang bertindak hanya berdiam diri sekiranya berlaku pada anak.

3.7 HUBUNGAN ANTARA KAUM DAN REAKSI SEKIRANYA TERDAPAT PERLAKUAN JENAYAH DI SEKITAR TEMPAT TINGGAL RESPONDEN

Jadual 3.7 di atas menunjukkan tahap reaksi responden mengikut kaum sekiranya terdapat perlakuan jenayah di sekitar tempat tinggal responden. Data menunjukkan bahawa kaum responden yang melaporkan ke pihak berkuasa adalah merupakan bilangan peratus yang tertinggi sekali, iaitu bagi kaum Melayu 53.42%, Cina 12.55%, India 3.75% dan lain-lain 1.5%. perbuatan jenayah yang paling tinggi dilaporkan ke pihak berkuasa ialah penagihan dadah diikuti oleh rumah pelacuran, pusat sosial escort dan rumah urut. Dalam reaksi melaporkan ke pihak berkuasa, didapati kaum responden lebih peka terhadap perlakuan jenayah penagihan dadah dan rumah pelacuran untuk mengambil tindakan yang sedemikian jika berlaku di sekitar tempat tinggal.

Reaksi kaum responden yang berdiam diri sahaja terhadap perbuatan jenayah di sekitar kawasan tempat

tinggal adalah bilangan peratus kedua tertinggi. Bilangan peratus kaum Melayu yang berdiam diri ialah 8.0%, Cina 2.75% dan India 2.75%. Iaitu kaum responden yang paling banyak berdiam diri terhadap pusat sosial escort dan rumah urut², kemungkinan ini ialah kedua-dua kegiatan tersebut mungkin tidak dilihat sebagai perbuatan jenayah yang nyata dalam masyarakat berbanding dengan rumah pelacuran dan penagihan dadah.

Untuk reaksi kaum yang membuat petisyen pula, paling kerap dilakukan pada kegiatan rumah urut (4.5%) dan juga pusat sosial escort (2.25%) dan amat kurang yang akan bertindak sedemikian terhadap penagihan dadah dan rumah pelacuran. Ini kerana untuk kedua kegiatan itu mungkin memerlukan tindakan segera seperti melaporkan ke pihak berkuasa. Peratus mengikut kaum yang membuat petisyen pula didahului oleh kaum Melayuu 4.5%, Cina 2.5%, India 1.25% dan lain-lain 0.25%. Bilangan peratus ini pada umumnya adalah amat kecil.

Reaksi kaum responden yang mengambil tindakan berpindah juga adalah kecil, bilangan peratus mengikut kaum ialah 2.25% Melayu, 1.25% Cina dan lain-lain 0.25%.

²Anggapan masyarakat bahawa pusat escort dan rumah urut sebagai kegiatan yang selalunya dibenarkan oleh undang-undang.

Begitu juga dengan reaksi mengusir keluar mereka yang terlibat dalam perlakuan jenayah di sekitar tempat tinggal responden hanya 3% mengikut semua kaum. Reaksi mengusir mereka keluar lebih kerap kepada perlakuan penagihan iaitu 1% dari kegiatan yang lain.

Bagaimanapun jika dilihat pada setiap kegiatan perlakuan jenayah itu didapati kemungkinan ia terjadi atau berlaku di sekitar kawasan tempat tinggal responden adalah hampir sama iaitu pada kadar sekitar 25% berdasarkan dari data dalam jadual 3.7 tersebut. Namun begitu, persatuan bilangan mengikut reaksi yang lapor adalah berbeza-beza.

Situasi 'sokongan' sosial pula dilihat pada reaksi responden yang berdiam diri iaitu sebanyak 13.5% sahaja, 'sokongan' ini masih berupaya memberi pengaruh kepada kegiatan perlakuan jenayah tersebut berkembang dalam masyarakat setempat.

3.8 KESIMPULAN

Dari penemuan ini, didapati bahawa kewujudan 'sokongan' sosial dalam kelompok masyarakat terhadap perbuatan jenayah dan devians itu memang ada, tetapi

peratusannya tidaklah tinggi iaitu pada kadar purata 20% pada setiap isu yang telah dibincangkan. Oleh itu, kesan dan pengaruhnya adalah tidak begitu ketara dalam masyarakat yang dikaji.

Diperhatikan juga, bahawa 'sokongan' kurang wujud jika perbuatan jenayah atau devians itu berkaitan secara langsung pada responden seperti dalam isu pernah menjadi mangsa didapati jumlah bilangan peratusnya yang ada 'sokongan' lebih rendah dari isu pernah menyaksikanya. Begitu juga jika anak responden yang terlibat, situasi 'sokongan' sosial hampir tidak ada berbanding jika berlaku pada rakan rapat, 'sokongan' sosial jelas ada. Ini menunjukkan bahawa responden akan lebih mengambil berat dan bertanggungjawab jika ia berlaku pada diri dan ahli keluarganya daripada perbuatan jenayah yang berlaku pada orang lain dalam masyarakat.

Selain itu didapati bahawa 'sokongan' sosial lebih wujud di kalangan responden Melayu berbanding dengan kaum-kaum lain seperti Cina, India dan lain-lain. Dari segi jantina pula didapati responden lelaki menampakkan sikap dan reaksi yang lebih jelas untuk 'menyokong', ini boleh dilihat dalam isu pernah menyaksikan jenayah tetapi tidak lapor dan isu kemungkinan untuk membeli barang-barang yang disyaki curi. Oleh itu, anggapan

tradisi bahawa lelaki ramai terlibat dalam perbuatan dan kejadian jenayah dalam masyarakat adalah benar untuk kajian ini.

BAB 4

IMPLIKASI DAN LANGKAH-LANGKAH

4.0 PENGENALAN

Dari perbincangan bab yang lalu, perspektif 'sokongan' sosial yang dijadikan asas kajian menunjukkan adanya terdapatnya unsur 'sokongan' dalam kumpulan masyarakat yang dikaji terhadap perbuatan jenayah dan devians. Dalam fenomena masyarakat bandar di Kuala Lumpur yang mengalami kepesatan urbanisasi dan pembangunan, kewujudan unsur 'sokongan' sosial yang mungkin tidak dapat dinafikan, hal ini mungkin ditambah dengan faktor-faktor seperti pengrahsiaan (secrecy), kemahiran (skill) dan pembekalan (supply) yang boleh mendorongkan lagi ke arah aktiviti jenayah semasa.*

4.1 IMPLIKASI DAN LANGKAH-LANGKAH

Melihat pada analisa data-data yang telah dibincangkan, 'sokongan' sosial yang ditemui jelas

*Menurut Box (1971:50) faktor-faktor tersebut juga turut mempengaruhi dan mendorong pelaku untuk melakukan jenayah dengan lebih berkesan.

terlihat melalui sikap dan reaksi yang agak 'permissive' dan tidak serius dari responden terhadap isu-isu jenayah yang dikemukakan. 'Sokongan' yang diberikan juga adalah lebih kepada perbuatan dan kejadian jenayah yang lebih biasa berlaku dalam masyarakat seperti curi, pukul penyalahgunaan dadah, merosakkan harta-benda awam dan membeli barang yang disyaki curi yang telah biasa di dengar dan berlaku dalam masyarakat. Sebilangan masyarakat mungkin menganggap perkara-perkara begitu sebagai jenayah kecil (petty crime) dan melepaskan tanggungjawab kepada pihak berkuasa untuk melakukan tindakan. Dari analisa perbincangan juga didapati bahawa 'sokongan' lebih jelas terlihat pada perbuatan jenayah yang melihatkan orang lain iaitu anggota-anggota masyarakat yang lain berbanding jika ia terjadi pada diri individu itu sendiri atau dari ahli keluarganya.

Edwin Sutherland yang mengatakan bahawa perlakuan jenayah itu berakar umbi daripada organisasi masyarakat dan merupakan satu expressi dari kumpulan masyarakatnya. Sutherland juga mengatakan perlakuan jenayah adalah didorong oleh pengertian yang diperolehi dari pergaulan seseorang (the person's associations) dalam kumpulan masyarakat umum. Kenyataan Sutherland ini jelas dapat mengaitkan mengenai wujudnya situasi 'sokongan' sosial terhadap isu-isu jenayah dalam kajian ini yang secara

langsung juga dapat mencerminkan nilai dan norma sosio-budaya masyarakat yang dikaji.

Walaupun 'sokongan' yang terlihat menunjukkan pada peratusan yang agak rendah (lebih kurang 20%), jika dibiarkan ia boleh membawa kepada fenomena yang lebih parah dalam masyarakat. Ekoran itu masyarakat adalah bertanggungjawab dan berperanan dalam mewujudkan kawalan sosial yang berkesan ke atas masyarakat. Faktor-faktor sosial penting bagi menghindarkan individu menyeleweng dari norma-norma masyarakat dan melanggar undang-undang. Ini kerana penjenayah (offender) adalah mempunyai kaitan rapat dengan masyarakat di mana ia wujud. Seorang ahli kriminologi Schafter menegaskan,

(1969 : 234) "criminal is not an isolated individual, he is a product of society."

Malahan Schafter menambah,

"... any solution to the crime problem can be found only in analysis of the criminal's relationship to his social environment."

Dalam konteks ini, teori kawalan yang mengatakan individu adalah bebas untuk menyeleweng atau melakukan

jenayah apabila ikatan sosial dalam masyarakat telah menjadi longgar. Travis Hirschi yang popular dengan teori kawalan ini mengatakan,

(1969 : 16) "a person is free to commit delinquent acts because his ties to the conventional under have somehow been broken".

Pendapat ini jelas menekankan bahawa jenayah wujud kerana masyarakat tidak lagi patuh dan berpegang pada nilai-nilai dan amalan-amalan sosio-budaya (konvensional) yang dipercayai mengandungi sifat-sifat moral yang baik. Seseorang individu akan bebas melakukan jenayah apabila pertalian dan hubungannya pada masyarakat sekeliling telah putus atau tiada. Sebaliknya jika pertalian itu kuat kemungkinan untuk menyeleweng adalah kurang.

Hirschi (1969) menyarankan tiga perkara utama dalam teori kawalan;

i) Pertalian (attachment)

Ini merujuk pada mutu hubungan sosial individu dengan anggota lain dalam masyarakat. Bagaimana ia boleh mewujudkan rasa tanggungjawab dan sensitiviti terhadap nilai dan pandangan masyarakat

terhadapnya, maka individu itu akan bertindak selaras dengan fahaman masyarakatnya. Jika pertalian (attachment) terhadap masyarakat berkurangan atau tiada, ia bebas untuk menyeleweng.

ii) Komitment (Commitment)

Ini merujuk kepada sejauh mana kepatuhan (conformity) individu peraturan-peraturan dalam masyarakat. Dalam konteks ini, tahap 'confirmity' seseorang individu itu adalah berbeza-beza, jika komitmennya rendah kemungkinan untuk menyeleweng adalah tinggi.

iii) Belief (Kepercayaan)

Merujuk kepada keupayaan individu untuk menilai dan mempertahankan isu itu mengenai norma moral dan sosial. Sejauhmana individu itu menyokong dan mempercayai kebenaran peraturan-peraturan sosial yang telah ditetapkan.

Ketiga-tiga perkara pertalian (attachment), komitment (commitment) dan kepercayaan (belief) menunjukkan betapa pentingnya ikatan sosial (social bond) dalam masyarakat untuk mengawal anggota masyarakat daripada menyeleweng melakukan jenayah dan devians. Masyarakat harus berpegang pada nilai-nilai sosio-budaya

(konvensional) yang mempunyai nilai-nilai yang baik untuk kesejahteraan masyarakat. Seperti yang ditegaskan oleh T. Hirschi (1969 : 11).

"The greater the degree of attachment to others the more likely one is to be bound by their norms".

Selain itu, Walter C. Reckless (1967) menyatakan pengawalan kegiatan jenayah atau 'crime control' adalah juga merupakan tanggungjawab dan tugas pihak-pihak yang berkuasa seperti jabatan polis, mahkamah pengadilan dan badan-badan perlindungan lain.

Dalam temubual dengan Timbalan Pengguna Polis (DSP) Reduan Aslie (Polis Di Raja Malaysia (PERM) Bukit Aman, Kuala Lumpur), beliau adal menyatakan tiga pekerja utama yang boleh dilakukan oleh anggota masyarakat dalam usaha untuk mengawal dan mengurangkan aktiviti jenayah di sekitar kawasan tempat tinggal sesuatu kelompok masyarakat.

i. Perkhidmatan Polis Sukarela (PVR)

Iaitu anggota masyarakat dari semua kaum boleh melibatkan diri dalam perkhidmatan polis sukarela untuk membantu polis dalam membentras jenayah. Sesiapa sahaja layak untuk menyertainya sebagai

ahli dan mereka juga akan diberikan kad keahlian untuk memudahkan mereka bertindak terus kepada pesalah (offender) yang terlibat.

ii. Menubuhkan Kumpulan Kepolisan Masyarakat (Community Policing)

Ia merupakan satu program tidak formal yang khasus kepada sekumpulan masyarakat bertujuan untuk membuat pemerhatian dan pengawasan terhadap apa yang berlaku di persekitaran tempat tinggal mereka. Untuk menyemaikan sikap saling bantu-membantu dan melaporkan perkara-perkara yang menimbulkan syak wasangka kepada pihak polis.

iii. Menyertai/ Menubuhkan Rukun Tetangga dan RELA

Ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kejiranian di kalangan masyarakat untuk bersama-sama mengawal dan mencegah jenayah dalam kawasan persekitaran tempat tinggal. Supaya setiap anggota masyarakat dapat bekerjasama dan bersatu-padu untuk mengukuhkan ikatan sosial.

Cara-cara yang tersebut tambah beliau adalah lebih praktikal dan ia turut menekankan kepada perlunya kerjasama masyarakat melalui ikatan sosial yang kukuh supaya sikap prihatin dan tanggungjawab sosial dapat

dilakukan sepenuhnya. Sebagai usaha ke arah ini juga, pihak polis seringkali mengadakan khidmat nasihat, ceramah dan dialog dengan orang ramai untuk memupuk semangat kesedaran berhubung dengan pencegahan jenayah.

Hakikatnya, individu-individu sebagai kumpulan kecil dalam masyarakat merupakan penggerak kepada masyarakat. Hakikat bahawa masyarakat tidak harus memberi peluang dan motiviasi kepada individu (pelaku) untuk melakukan jenayah, sebaliknya memupukkan sikap dan mengukuhkan nilai-nilai sosio-budaya yang boleh menghalang dan mengawal berkembangnya perlakuan jenayah. Tidak boleh dinafikan bahawa masyarakat boleh mewujudkan kawalan sosial yang berkesan terhadap anggota-anggota dalam masyarakatnya dalam usaha mengawal jenayah setempat. Dalam tema sambutan polis tahun ini, "Polis Dan Rakyat : Bersatu Membentera Jenayah" turut menggambarkan betapa pentingnya penglibatan dan komitmen masyarakat untuk mengawal dan mencegah aktiviti jenayah keseluruhannya.

4.2 KESIMPULAN

Jelas bahawa kemungkinan kewujudan unsur 'sokongan' terhadap perlakuan jenayah adalah manifestasi dari

kelonggaran ikatan sosial dan semakin berkurangnya kepatuhan anggota masyarakat pada norma-norma sosio-budaya yang dianuti oleh masyarakat. Kemungkinan masyarakat sedang dan telah mengalami perubahan sikap ke arah bersikap individualistik dan materialistik, akibat dari kepesatan pembangunan dan urbanisasi yang dialami dan sekaligus telah turut sama mengikis nilai-nilai sosial dan budaya konvensional dalam masyarakat.

Oleh yang demikian, masyarakat yang menyedari hakikat ini perlu mengambil langkah-langkah yang lebih positif dalam usaha menguatkan lagi ikatan dan hubungan sosial dan turut mempertahankan nilai-nilai sosio budaya yang baik dalam masyarakat. Usaha sedemikian diharapkan akan dapat membendung berkembangnya perlakuan dan aktiviti jenayah dalam masyarakat. Seterusnya menjamin kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat, khususnya dalam suasana kehidupan di bandar.

Selain itu, peranan dari pihak berkuasa terutamanya jabatan polis tidak kurang pentingnya untuk berusaha mewujudkan kerjasama dengan masyarakat untuk mengawal dan mencegah perbuatan jenayah setempat.

BAB5

KESIMPULAN

KESIMPULAN

Dari analisa perbincangan kajian ini, unsur 'sokongan' sosial yang wujud terhadap jenayah membayangkan bahawa kekuatan nilai dan norma-norma dalam masyarakat di bandar telah mulai terhakis. Namun begitu perkara ini masih dilihat berada di tahap yang masih belum membimbangkan jika dilihat pada bilangan peratusan yang 'menyokong' terhadap isu-isu jenayah dan devians. Tetapi sikap masyarakat telah menunjukkan bahawa mereka telah mulai melepaskan komitmen mereka terhadap nilai-nilai dan amalan-amalan sosio-budaya (konvensional) di dalam masyarakat.

Melalui analisa dalam bab yang terdahulu dapat dirumuskan beberapa perkara berhubung dengan kewujudan 'sokongan' sosial dalam kelompok masyarakat yang dikaji:-

- 1) Untuk responden yang pernah menjadi mangsa perbuatan jenayah, didapati 'sokongan' sosial wujud pada sikap dan reaksi tidak melaporkannya, terutama pada

perbuatan tipu, curi dan dipermainkan oleh lelaki atau perempuan. Peratusan yang menunjukkan 'sokongan' ialah 16.7%.

- 2) Untuk responden yang pernah menyaksikan perbuatan jenayah, 'sokongan' sosial juga terlibat pada reaksi tidak melaporkannya iaitu berjumlah 24.85%. Ini khususnya pada perbuatan merosakkan harta benda awam, pukul dan penyalahgunaan dadah.
- 3) Untuk responden yang pernah membeli barang-barang yang disyaki curi, 'sokongan' sosial terlihat pada penglibatan 18.76% kaum responden. Reaksi yang bersetuju (ya) untuk membeli barang-barang yang disyaki curi pula ialah 4.8%, kekerapan pada barang kasut.
- 4) Untuk kegiatan seks bebas yang berlaku pada anak responden, kebanyakan responden menunjukkan telah mengambil pelbagai reaksi yang sesuai untuk menghalangnya dan kewujudan 'sokongan' sosial sukar dilihat ada pada reaksi-reaksi tersebut.
- 5) Untuk rakan rapat responden yang terlibat dalam seks bebas, reaksi yang ditunjukkan ada menampakkan 'sokongan' sosial iaitu seperti berdiam diri dan mengajarnya cara yang betul untuk melakukannya.

Bilangan peratus untuk rakan adalah agak tinggi iaitu ~ 23%.

6) Untuk jenayah yang berlaku di sekitar kawasan tempat tinggal, kewujudan 'sokongan' sosial turut dikesan pada reaksi berdiam diam sahaja iaitu 13.5%

Fenomena 'sokongan' ini jika tidak dibendung, ia boleh menular dan berkembang dalam masyarakat terutamanya dalam suasana pemodenan dan perindustrian yang dialami oleh masyarakat hari ini. Hal seumpama ini tidak harus dibiarkan kerana ia akan membawa kepada berleluasanya lagi kegiatan dan perlakuan jenayah setempat dan sekaligus mengakibatkan keruntuhan moral dalam masyarakat.

Justeru itu, masyarakat perlu menyedari hakikat ini, dan bekerjasama penuh untuk berusaha membangun sebuah masyarakat yang saling bekerjasama, kukuh semangat kejiraninan, saling bertanggungjawab dan bersatu-padu bagi mengukuhkan kawalan sosial. Nilai-nilai sosio-budaya yang baik boleh dipupukkan kembali kerana ia mengandungi etika moral yang baik untuk menjamin kesejahteraan dalam masyarakat.

Dalam konteks ini, pengkaji setuju dengan teori kawalan yang menyarankan kekuatan ikatan sosial perlu untuk mengekalkan kekuatan nilai dan norma-norma (conventional order) dalam masyarakat, supaya masyarakat boleh berkesinambungan dan melahirkan generasi yang bermoral tinggi di masa hadapan. Unsur-unsur kemanusiaan dan moral harus ditekankan dan dipertingkatkan dalam suasana kehidupan masyarakat yang sendiri mencabar masa kini. Semua ini merupakan tanggungjawab sosial kepada setiap individu dalam anggota masyarakat.

Seterusnya, pihak-pihak berkenaan yang berkait secara langsung dengan pengkajian jenayah dan sosial juga boleh memikirkan dan memberi sumbangan dalam aspek-aspek pemulihan dan rawatan dalam masyarakat.

BIBLIOGRAFI

1. Abdul Aziz Hussin (1988) Panduan Umum Undang Jenayah di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
2. Ahmad Mahdzan Ayob (1985), Kaedah Penyelidikan Sosio-ekonomi, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
3. Black, James and Dean Champion (1976), Methods and Issues in Social Research, New York : Wiley.
4. Box, Steven (1971), Deviance, Reality and Society, Univ. of Kent, Holt, Rinehart and Winston Ltd.
5. Cloward, R.A & Ohlin, L.E. (1960), Delinquency and Opportunity, New York : Free Press.
6. Clinard, M.B. (1963), Sociology of Deviant Behaviour, New York : Holt, Rinehart and Winston.
7. Cohen, A.K. (1955), Delinquent Boys, New York : Free Press.
8. Davies, N.J. (1975), Sociological Construction of Devians. Dubuque, Ia : WM C. Brown.
9. Glazer, Daniel, (1972) Adult Crime and Social Policy, New Jersey : Prentice Hall.
10. Hirschi, T. (1969), "Causes of Delinquency", Berkeley; Univ. of California Press.
11. Matza, D. (1964), Delinquency and Drift. New York : Wiley.
12. Matza, D. (1969), Becoming Deviant. New Jersey : Prentice Hall.
13. Mohd Reduan Aslie, (1990), Jenayah di Malaysia, Kuala Lumpur : AMK Sdn. Bhd.

14. Mariana Mansor Kelonggaran Ikatan Juvana,
Latihan Ilmiah, Jabatan
Antropologi dan Sosiologi,
Universiti Malaya, 1984/85.
15. Reckless, Walter The Crime Problem, New York :
(1967) Free Press.
16. Schafer, Stephen Theories in Criminology, New
(1969), York : Random House.
17. Sutherland, E.H. & Principles of Criminology
Cressey, D.R. (ed. 8th). Philadelphia :
(1970), Lippincott.
18. Shaw, R. Clifford Juvenile Delinquency and Urban
& Henry McKay Areas, University of Chicago :
(1969) Press.
19. Wong Sau Ping 'The Explanation of the
Occurrence of Rape based on
Box's Theory. (The
Transformation of Willingness
to Deviants to actual
Deviation). Latihan Ilmiah,
Jabatan Antropologi dan
Sosiologi, Universiti Malaya,
Kuala Lumpur. 1984/1985.